

# Pengurusan teknikal UMS pantau tekanan air

Oleh **Izwan Abdullah** - Januari 11, 2024 @ 3:47pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Tangki penyimpanan air di Universiti Malaysia Sabah (UMS). - NSTP/MOHD ADAM ARININ

KOTA KINABALU: Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) bekerjasama dengan bahagian pengurusan teknikal Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi mengawal tekanan air yang disalurkan di kampus universiti itu.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Ir Shahelmey Yahya, berkata ia bagi memastikan air yang disalur JANS tidak mengalami gangguan apabila sampai ke kampus UMS.

"Bahagian pengurusan teknikal UMS mengawal tekanan air kerana kampus UMS kawasannya besar dan mempunyai permukaan berbukit," katanya ditemui selepas melancarkan aplikasi MyJANS di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas langkah jangka pendek yang dilaksanakan JANS bagi membantu mengurangkan bebanan pelajar UMS yang ketika ini berdepan masalah bekalan air.

Ia berpuncadaripada ketidakcukupan bekalan dari Loji Rawatan Air (LRA) Telibong di Tuaran untuk memenuhi permintaan pengguna bukan sahaja di UMS, malah seluruh kawasan utara bandar raya Kota Kinabalu.

Shahelmey yang juga Menteri Kerja Raya Sabah, berkata pada masa sama, penghantaran air menggunakan lori tangki dilaksanakan sehingga bekalan di universiti itu stabil.

Beliau mengulangi bekalan air masuk ke tangki UMS sepatutnya menjadi stabil dengan beroperasinya LRA Telibong 2 Fasa 2 (T2P2) mulai bulan lalu.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak berlaku memandangkan masih ada kerja perpaipan perlu disiapkan sebelum kapasiti tambahan sebanyak 40 juta liter sehari (MLD) dapat disalurkan sepenuhnya.

"Apabila kerja-kerja perpaipan sedikit di Telibong dapat kita selesaikan sebelum hujung bulan ini, jumlah air boleh masuk akan bertambah di UMS," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu belum mengambil kira isu lain seperti penyambungan air secara haram di sepanjang sistem perpaipan dari LRA Telibong yang turut memberi kesan kepada bekalan air di bandar raya ini.

Shahelmey berkata ketika ini penyaluran air dari LRA T2P2 dilakukan secara berperingkat bermula dari enam MLD ke 14 MLD, 15 MLD dan kapasiti penuh 40 MLD apabila kerja perpaipan di loji berkenaan siap sepenuhnya.